



Rujukan kami : KTPK18/7/2.148 (21)

Tarikh : 31 Mac 2004

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Topografi

**PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 2 TAHUN 2004**

WAKTU KERJALUAR

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk menetapkan waktu kerjaluarn selaras dengan pelaksanaan kemudahan Hari Rehat Sabtu pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan bagi setiap anggota perkhidmatan awam.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemakaian waktu kerjaluarn sekarang ini adalah berdasarkan Pekeling Ketua Pengarah Ukur Bilangan 1 Tahun 1982.
- 2.2 Kerajaan melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2000, telah melaksanakan Hari Rehat Sabtu pada minggu pertama dan ketiga pada setiap bulan. Kemudahan ini diberi sebagai satu insentif bagi menggalakkan aktiviti pelancungan dan pengurusan kekeluargaan dalam usaha membentuk masyarakat penyayang di kalangan anggota perkhidmatan awam.
- 2.3 Berikutan daripada pelaksanaan pekeliling tersebut, waktu bekerja di pejabat pada hari-hari biasa telah dilanjutkan bagi menggantikan masa yang digunakan untuk Hari Rehat Sabtu. Walau bagaimanapun, sehingga kini waktu kerjaluarn masih belum diubah untuk menggantikan kekurangan jam waktu bertugas dan dengan itu ianya perlulah diselaraskan.

3. WAKTU KERJALUAR

Selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2000 mengenai Hari Rehat Sabtu, maka waktu kerjaluarnya baru adalah ditetapkan seperti berikut :

- 3.1 Bagi negeri-negeri di Semenanjung di mana hari Ahad adalah Hari Cuti Mingguan;

Hari	Waktu Bekerja
Isnin- Khamis dan Sabtu	7.15 pagi - 2.00 petang
Jumaat	7.15 pagi - 12.15 tengahari

- 3.2 Bagi negeri-negeri di Semenanjung di mana hari Jumaat adalah Hari Cuti Mingguan;

Hari	Waktu Bekerja
Sabtu - Rabu	7.15 pagi - 2.00 petang
Khamis	7.15 pagi - 12.15 tengahari

- 3.3 Bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak di mana hari Ahad adalah Hari Cuti Mingguan;

Hari	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis dan Sabtu	6.15 pagi - 1.00 tengahari
Jumaat	6.15 pagi - 11.15 pagi

4. PEMAKAIAN

Pekeliling ini hanya terpakai kepada pegawai dan kakitangan yang ditugaskan bagi melaksanakan aktiviti kerjaluar secara sepenuh masa.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pemakaian pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai 1 Mei 2004.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, para 3 Pekeliling Ketua Pengarah Ukur Bilangan 1 Tahun 1982 bertajuk "Waktu Bekerja Pejabat dan Bekerja Luar" adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster